

15/03/1998

Umno Kelantan setuju tidak ada pertandingan

KOK LANAS: Semua 14 bahagian Umno di Kelantan bersetuju untuk tidak mengadakan pertandingan merebut jawatan peringkat ketua bahagian dalam mesyuarat agung pemilihan parti itu, yang bermula kelmarin.

Keputusan itu sekali gus menjadikan bahagian terbabit menerima pakai ketetapan Majlis Tertinggi (MT) Umno bulan lalu yang dikuatkuasakan Badan Perhubungan Umno negeri.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa, berkata penguatkuasaan keputusan itu adalah selaras keputusan MT yang mengarahkan tiada pertandingan jawatan ketua bahagian di Kelantan sebagai strategi memastikan tidak berlaku perpecahan dalam perpaduan ahli.

"Kita akui ada sedikit kesamaran berhubung keputusan itu di peringkat awal pengumumannya tetapi (tiada pertandingan jawatan ketua bahagian) ia menjadi jelas apabila MT dan Presiden parti membuat keputusan itu bulan lalu.

"Alhamdulillah, sehingga semalam (kelmarin), semua 14 bahagian Umno Kelantan bersetuju untuk tidak mengadakan pertandingan jawatan ketua bahagian," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Peringat, di Politeknik Kota Bharu, di sini, semalam.

Ditanya sama ada semua ahli Umno di Kelantan perlu mematuhi keputusan itu, Annuar berkata perkara itu tidak berbangkit kerana Badan Perhubungan hanya menguatkuasakan keputusan MT dan arahan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Dalam keputusan MT ada disebut semua bahagian di Kelantan tidak diadakan pertandingan bagi jawatan ketua bahagian.

"Bagaimanapun, jawatan timbalan ketua bahagian ke bawah boleh dibawa berunding tetapi kalau tidak boleh dielakkan, kita benarkan diadakan pertandingan," katanya.

Begitupun, katanya, pihaknya menghadapi sedikit masalah di bahagian Kubang Kerian dan Tumpat yang tidak dapat dibuat tafsiran berikutan berlaku keadaan di luar jangkaan.

Jawatan ketua bahagian di Kubang Kerian dikosongkan apabila bekas ketuanya, Mat Zin Awang, digugurkan daripada jawatan itu manakala ketua bahagian Tumpat, Mansor Salleh, mengambil keputusan berundur.

"Badan Perhubungan merujuk kepada Dr Mahathir selaku pengerusi dalam mesyuarat di Kuala Lumpur pada 11 Mac lalu dan beliau memberi pandangannya.

"Akhirnya, mesyuarat bersetuju pertandingan tidak perlu diadakan di kedua-dua bahagian," katanya.

(END)